



**KENYATAAN MEDIA
YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI
SELAKU PENERUS BERSAMA JAWATANKUASA PANDU
HAL EHWAL RENTAS SEMPADAN**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu Hal Ehwai Rentas Sempadan ingin memaklumkan beberapa pengemaskinian terhadap syarat-syarat bagi pertimbangan keluar dan masuk negeri melalui pos-pos kawalan darat dan laut berikutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negara Malaysia yang akan bermula pada hari Rabu, 13 Januari 2021 selama dua minggu dan Pengisytiharan Proklamasi Darurat yang diumumkan pada hari ini, Selasa, 12 Januari 2021 seperti berikut:

1. **Kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu yang dibuat oleh *runners* yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam adalah ditangguhkan buat sementara selama dua (2) minggu.**
2. **Kebenaran kemasukan warganegara asing daripada Malaysia termasuk pejalan transit melalui pos-pos kawalan darat dan laut ke Negara Brunei Darussalam adalah juga ditangguhkan buat sementara waktu selama dua (2) minggu.** Sementara itu, hanya pemandu serta penumpang **kenderaan-kenderaan perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera) dan urusan rasmi Kerajaan, serta kenderaan-kenderaan komersial (*transport operators*) bagi penghantaran bekalan makanan import ke Negara Brunei Darussalam dan barangan mustahak (*essential goods*) yang lain sahaja dibenarkan untuk masuk ke negara ini dengan syarat-syarat kemasukan yang sedia ada.**
3. **Kebenaran bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*) melalui pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan adalah juga ditangguhkan buat sementara selama dua (2) minggu.** Mereka yang berkenaan adalah dinasihatkan untuk menetap buat sementara waktu di tempat di mana mereka bertugas, ataupun mengambil cuti selama tempoh kebenaran ditangguhkan.
4. Ujian saringan surveilan **SARS-COV2-RT-PCR** bagi *transport operators* samada yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam atau warga asing yang berdaftar di Malaysia yang dibenarkan masuk bagi tujuan penghantaran bekalan makanan serta *essential goods* ke Negara Brunei Darussalam **akan dikerapkan daripada sekali dalam masa dua minggu kepada sekali dalam masa seminggu.**



Pengemaskinian syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah berkuatkuasa mulai esok, **Rabu, 13 Januari 2021**. Prosedur-prosedur ini adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwat Rentas Sempadan dari masa ke semasa.

Orang ramai adalah diingatkan untuk tidak leka dalam mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing bagi sama-sama membendung penularan penyakit COVID-19 ini, dan adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa semasa pandemik COVID-19 ini sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggag 204).